



Majlis Perasmian ICOT 2009 Meriah



Berdiri sebelah kiri Timbalan Naib Canselor UPM (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr. Azali Mohamed bersama Tony Buzan (dua dari kiri), Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin (tiga dari kiri) dan Pengerusi Konferens ICOT09, Dr. Shameem Rafik Galea (kanan) di pentas konvensyen KLCC

KUALA LUMPUR, 22 Jun – Majlis perasmian Persidangan Pemikiran Antarabangsa (ICOT) ke-14 2009 telah dirasmikan dengan meriahnya oleh Menteri Pengajian Tinggi YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di sini hari ini.

Seramai 1,000 peserta dan perwakilan yang majoritinya terdiri daripada peserta luar negara telah menyaksikan perasmian tersebut yang menonjolkan budaya negara seperti pukulan 'Gendang Sembilan' dan tarian bertajuk 'Malaysia Truly Asia' dan 'One Malaysian'.

Universiti Putra Malaysia selaku hos menjadikan Malaysia sebagai negara Asia kedua selepas Singapura menjadi tuan rumah Persidangan Pemikiran Antarabangsa (ICOT) ke-14 sejak mubadinya dari tahun 2005.

Khaled dalam ucapan perasmian berkata rakyat Malaysia perlu meningkatkan idea dengan kepakaran yang analitis dan pasukan yang berimaginasi agar tanggapan tidak bergerak dan lapuk dapat dikikis.

"Oleh kerana Malaysia meletakkan hala tuju ke arah masa depan yang lebih terjamin, pertimbangan masa lampau dan masa kini menjadi satu keperluan dalam usaha melahirkan idea kontemporari dan mewujudkan budaya pemikiran waspada.

"Disebabkan kita tidak mampu untuk kekal selesa dalam lingkungan pemikiran biasa, dengan demikian adalah penting apabila pemikir kreatif dan kritikal memulakan dialog berhubung sesuatu proses pemikiran itu agar menjadi lebih menarik," katanya pada majlis yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini. Khaled berkata tema persidangan ICOT iaitu 'Thinking Minds: Nurturing The Design of A Better Future' terbukti mempunyai kaitan terutama dengan keadaan semasa bagi mengekalkan apa yang ada, disamping bagi menjamin persekitaran masa depan yang positif dan sihat.

"Saya percaya konferens ini akan menjadi satu platform untuk mendidik diri kita tentang kaedah untuk mempelajari dengan pakar bidang pemikiran menjanakan idea," katanya.

Sementara itu, pengerusi ICOT 2009 Prof Madya Dr Shameem Rafik-Galea berkata beliau berharap persidangan itu akan mendedahkan masyarakat dengan pelbagai kemahiran berfikir yang mungkin boleh digunakan dalam kehidupan seharian.

"Saya berharap ia akan membawa perubahan dalam cara kita berfikir dan melakukan sesuatu. Persidangan ini merupakan platform bagi kita untuk mengubah pemikiran kita," katanya kepada pemberita dalam sidang media selepas itu.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata ICOT 2009 melibatkan lebih 800 peserta dari dalam dan luar negara dengan melibatkan lebih 290 pembentangan kertas kerja oleh penceramah terkemuka daripada pelbagai bidang pemikiran seperti pendidikan, sains, politik, sosial, ekonomi, perniagaan, pengurusan, seni, kebudayaan, kesihatan, kepimpinan, media, kemanusiaan dan industri.

"Antara penceramahnya ialah Dr. Edward De Bono – pakar pemikiran kreatif, inovasi dan pengajaran langsung kemahiran berfikir dengan tajuk syarahan 'The Biggest Problem Facing the World is not Climate Change but Inadequate Thinking' dan Tony Buzan – pakar minda, pembelajaran dan kemahiran berfikir dengan tajuk syarahan 'Creating the Ultimate Thinker in the Century of the Brain'.

"Penceramah utama lain ialah mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan tajuk 'Asian Political Leadership Disciplined Thinking for Change' dan isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansor (Developing Human Capital Begins with Children)," katanya.

ICOT 2009 merupakan persidangan yang dianjurkan oleh sukarelawan untuk merealisasikan kaedah berkesan berfikir dalam pembelajaran dan pengajaran hasil idea Dr. Edward de Bono dan Prof. Robert Rosenthal dari Universiti Harvard.

Persidangan hasil kerjasama Jawatankuasa Tertinggi Antarabangsa yang diketuai Prof. Dr. David Perkins dari Universiti Harvard telah berusia 22 tahun pernah diadakan di Fiji pada 1982, Puerto Rico 1989, Singapura 1997, Kanada 19999, New Zealand 2001, United Kingdom (2002), Amerika Syarikat (1984, 1987, 1994 dan 2003) dan Swiden 2007.



Isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansor (kiri) gembira menerima cenderamata dari Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (kanan)

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM.

